

### BAB III: KAEADAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan yang pengkaji jalankan ialah dengan mengumpul maklumat mengenai pencapaian prestasi calon Kesusteraan Melayu STPM dari tahun 1992-1997. Data-datanya merangkumi laporan, reka bentuk penyelidikan, reka bentuk instrumentasi, pengumpulan data, dan analisis data.

#### Laporan

Laporan didasarkan daripada data-data keputusan peperiksaan mata pelajaran Kesusteraan Melayu STPM dan laporan peperiksaan yang dikeluarkan dan disahkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dari tahun 1992 hingga 1997.

#### Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan pula merujuk kepada teknik untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan tujuan kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (1990) dalam bukunya *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, reka bentuk sesuatu kajian perlu diberikan perhatian yang serius bagi menjamin kajian dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Pengkaji menggunakan teknik temu bual dan soal selidik sebagai kaedah kajian. Pemilihan ini dibuat untuk mendapatkan gambaran keadaan yang sebenarnya berlaku dan penghuraian yang banyak oleh sampel yang dikaji dan perbincangan dengan sampel dapat dibuat. Melalui kaedah ini juga pengumpulan data tentang sikap dan pandangan

tentang calon yang terlibat dalam proses menilai prestasi pencapaian mereka dan orang yang terlibat dalam merealisasikan Kesusasteraan Melayu STPM itu dapat dirumuskan. Begitu juga, dengan pandangan guru yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah dan juga pandangan pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini (pensyarah-pensyarah universiti tempatan) tentang kekuatan dan kelemahan kandungan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu itu dapat dikumpul. Analisis data yang berbentuk kualitatif dibuat melalui sedutan-sedutan perbualan manakala analisis kuantitatif dibuat daripada data keputusan peperiksaan dan data soal selidik yang diperolehi.

Reka bentuk kajian ini dapat diterangkan seperti berikut.

#### (a) Sampel

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar, tujuh orang pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM (pensyarah-pensyarah universiti tempatan – identiti mereka dinyatakan secara kod sahaja) dan guru-guru yang pernah mengajar sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM di tingkatan 6. Seramai 4 orang guru yang pernah mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM dari zon utara, tengah, timur, dan selatan dipilih bagi tujuan kajian ini. Guru-guru tersebut terdiri daripada (identiti dirahsiakan);

**Zon Utara**

Cikgu A

**Zon Tengah**

Cikgu B

**Zon Timur**

Cikgu C

**Zon Selatan**

Cikgu D

Manakala di pihak pelajar sebuah kelas tingkatan 6 terlibat untuk setiap zon dengan anggaran 120 orang pelajar iaitu 30 orang pelajar (sebuah kelas) bagi setiap zon utara, tengah, timur, dan selatan bagi tujuan kajian ini.

**(b) Prosedur Persampelan**

Guru-guru dari sekolah bantuan penuh kerajaan dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Begitu juga dengan pelajar-pelajar dari sekolah yang sama digunakan. Sulaiman Ngah Razali(1996) dalam bukunya *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan* menyatakan persampelan rawak mudah mempunyai kelebihan yang mana setiap elemen dalam populasi dipertimbangkan dan mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai suatu subjek, dan prosedur persampelan ini kurang bias dalam proses memilih sampel dan menghasilkan kajian yang lebih baik. Oleh sebab itu, pengkaji memilih kaedah persampelan rawak mudah kerana ia sesuai untuk populasi

yang menjadi subjek kajian dan mempunyai persamaan ciri yang seragam seperti taraf kelayakan yang sama dan mengajar di sekolah yang pelajarnya terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Guru-guru dan pelajar-pelajar yang dipilih terdiri daripada senarai sekolah menengah yang mengandungi tingkatan 6 di zon utara, tengah, timur, dan selatan. Sebanyak 4 buah sekolah dipilih dengan setiap zon sebuah sekolah. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM akan menjadi fokus pengkaji untuk mendapatkan respon daripada aspek kekuatan dan kelemahan calon menjawab, merangka jawapan, pemilihan soalan yang dikemukakan, keberkesanan kandungan sukatan pelajaran, isu-isu sensitif, dan kejayaan penerapan domain kognitif, afektif, dan psikomotor. Sekolah-sekolah yang dipilih;

### **Zon Utara**

Sebuah sekolah di negeri Kedah Darul Aman.

Sek Men Keb Bedong  
08100 Bedong  
Kedah Darul Aman

### **Zon Tengah**

Sebuah sekolah di Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sek Men King George V  
Jalan Zaaba  
70100 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus

### **Zon Timur**

Sebuah sekolah di negeri Kelantan Darul Naim.

Sek Men Puteri  
Kompleks Sekolah-Sekolah  
Wakaf Mek Zainab  
15300 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim

### **Zon Selatan**

Sebuah sekolah di negeri Johor Darul Ta'zim.

Sek Men Tun Mamat  
84900 Tangkak  
Johor Darul Ta'zim

## **Reka Bentuk Instrumentasi**

Reka bentuk instrumentasi kajian dapat dibahagikan kepada dua aspek seperti berikut.

### **(a) Temu Bual**

Temu bual akan digunakan bagi mengumpul maklumat tentang aspek yang berkaitan dengan pencapaian prestasi calon Kesusastraan Melayu STPM.

Menurut Woods(1986) dalam bukunya *Inside Schools Ethnography In Educational Research*, temu bual dapat memberikan gambaran yang lebih jelas bagi melihat proses pemikiran seseorang. Maka temu bual berstruktur digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat daripada sampel. Perkara-perkara yang ditemu bual adalah seperti berikut.

## I. Latar Belakang Calon

- Latar belakang akademik
- Latar belakang keluarga
- Bidang yang diminati
- Kelulusan Kesusasteraan Melayu di tingkatan 5
- Pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di tingkatan 5
- Pengalaman menulis di akhbar atau majalah
- Bentuk pendedahan dan matlamat tambahan yang diperolehi
- Sumber pengetahuan tentang Kesusasteraan Melayu

## II. Pengetahuan Dan Kefahaman Guru

- Latar belakang akademik
- Kepentingan matlamat dan objektif pengajaran Kesusasteraan Melayu
- Keberkesanan kandungan sukatan pelajaran dalam proses P & P
- Membina soalan dan menggunakan Jadual Spesifikasi/Penentu Ujian
- Fungsi ujian mata pelajaran Kesusasteraan Melayu kepada guru dan pelajar

## III. Amalan Guru Dalam Melaksanakan Proses P & P

- Keberkesanan menerapkan domain kognitif, afektif, dan psikomotor
- Bahan pengajaran yang digunakan untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu

- Teknik pengajaran mata pelajaran Kesusastraan Melayu
- Penglibatan aktif pelajar

#### **IV. Sumber Rujukan**

- Bentuk dan jenis soalan – berstruktur dan esei
- Format kertas soalan
- Menjalankan mesyuarat bagi membaiki mutu soalan dan langkah pembaik pulih
- Meneliti laporan peperiksaan sebagai panduan

#### **V. Teknik Membina Skema Jawapan, Pemarkahan, Dan Memeriksa Skrip Jawapan Pelajar**

- Kaedah memeriksa skrip jawapan
- Membina skema jawapan dan pemarkahan
- Masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan ujian dan peperiksaan
- Semasa membina soalan ujian
- Semasa memeriksa skrip jawapan
- Menentukan skor dan gred
- Penyelarasan soalan

## **VI. Pandangan Guru Terhadap Sokongan Dan Peranan Pihak Pentadbiran Sekolah Dalam Membuat Laporan Pencapaian Prestasi Calon**

- Persepsi guru terhadap sokongan dan peranan pihak pentadbiran sekolah
- Kemudahan mendapat data dan maklumat
- Kerjasama daripada guru-guru lain
- Menyediakan kemudahan teknikal komputer dan program komputer yang sesuai
- Mengadakan jawatankuasa bagi menyemak kaji laporan
- Mengadakan penerangan dan langkah-langkah pembaik pulih

## **VII. Pandangan Pakar Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu (Pensyarah-pensyarah Universiti Tempatan)**

- Matlamat dan objektif sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM
- Kekuatan dan kelemahan kandungan sukanan pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM
- Teks kajian yang ditetapkan
- Bentuk peperiksaan yang dikemukakan
- Pemeriksaan skrip calon
- Laporan prestasi calon

**(b) Analisis Dokumen**

Analisis dokumen digunakan bagi membuat analisis pencapaian prestasi calon. Analisis mata pelajaran Kesuasteraan Melayu dilakukan oleh pengkaji ke atas mata pelajaran dan kertas soalan yang diadakan di peringkat pusat berdasarkan keputusan peperiksaan awam STPM yang telah diumumkan. Perkara-perkara yang dinilai ialah tentang skor-skor yang diperolehi oleh setiap pelajar, sejauh manakah pemahaman guru tentang aras kesukaran item, soalan yang dikategorikan popular, kurang popular, dan tidak popular, pemilihan soalan oleh pelajar, kaedah merancang jawapan, perencanaan masa, pemahaman kandungan sukatan pelajaran, pemahaman bentuk peperiksaan, dan format kertas.

**Pengumpulan Data**

Bagi tujuan memudahkan proses kutipan data di empat buah sekolah yang telah dirancang iaitu di zon utara, tengah, timur, dan selatan perancangan telah dibuat untuk menjalankan soal-selidik kepada sampel iaitu guru dan juga pelajar. Data juga dikumpul dengan catatan temu-bual, penelitian laporan yang dikeluarkan oleh MPM, dan kesesuaian kandungan sukatan pelajaran Kesuasteraan Melayu STPM ini di sekolah.

Secara umumnya, pengumpulan data, penganalisaan data, dan penilaianya dijalankan selama dua belas minggu, iaitu empat minggu pertama menjalankan kaedah temu bual dan soal selidik untuk sekolah-sekolah pilihan di empat zon yang telah ditetapkan dan juga pakar mata pelajaran Kesuasteraan Melayu STPM, empat minggu


kedua membuat penganalisaan data untuk keempat-empat zon tersebut dan juga data daripada keputusan peperiksaan yang diperolehi daripada Majlis Peperiksaan Malaysia dan empat minggu ketiga membuat laporan dan penilaian menyeluruh berkenaan pencapaian prestasi pelajar dengan syor-syor serta langkah-langkah pembaik pulih.

Bagi mendapatkan rumusan yang tepat mengenai pencapaian prestasi pelajar, pengkaji meneroka jawapan pelajar dengan melihat skor yang dicapai untuk setiap kertas dan dibuat perbandingan dengan pencapaian yang diperolehi oleh pelajar lain berserta pencapaian yang diperolehi oleh calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM. Identiti guru-guru dan pelajar-pelajar yang menjadi sampel kajian dirahsiakan. Nama-nama pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM hanya diberikan kod sahaja. Temu bual ditetapkan atas persetujuan mereka. Setelah selesai temu bual pengkaji merekodkan butiran penting yang telah ditemu bualkan dan membuat rumusan daripada dapatannya.

Langkah-langkah mengutip maklumat adalah seperti Carta Gantt yang dibina di bawah.

### CARTA GANTT

#### Perancangan Menyeluruh Persiapan Kertas Projek PXGS 6190



#### I. Peringkat Pertama (4 minggu)

- 1 = Minggu 1: Zon Utara
- 2 = Minggu 2: Zon Tengah
- 3 = Minggu 3: Zon Timur
- 4 = Minggu 4: Zon Selatan

#### II. Peringkat Kedua (4 minggu)

- 1 = Minggu 1: Zon Utara
- 2 = Minggu 2: Zon Tengah
- 3 = Minggu 3: Zon Timur
- 4 = Minggu 4: Zon Selatan

**III. Peringkat Ketiga (4 minggu)**

- 1 = Minggu 1: Penilaian
- 2 = Minggu 2: Syor
- 3 = Minggu 3: Langkah pemberi pulih
- 4 = Minggu 4: Rumusan

**I. Peringkat pertama (4 minggu)**

- Membuat temu bual
- Melaksanakan soal selidik

**II. Peringkat kedua (4 minggu)**

- Membuat analisis data

**III. Peringkat ketiga (4 minggu)**

- Menulis laporan kajian
- Menilai dan merumus pencapaian prestasi pelajar
- Memberikan syor-syor untuk langkah pemberi pulih

**Penganalisaan Data**

Menurut Weiss(1998) dalam bukunya *Evaluation Methods For Studying Programs And Policies* menyatakan data merupakan bahan mentah dan tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ianya dianalisis. Oleh itu, semua data yang diperolehi dianalisis dan dikendalikan dengan cara seperti berikut.

- (a) Data dikumpul melalui temu bual dengan pakar-pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, guru, dan pelajar.
- (b) Data dikumpul melalui laporan peperiksaan yang telah dikeluarkan dan disahkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.
- (c) Data dikumpul melalui analisis kertas soalan peperiksaan Kesusasteraan Melayu STPM yang lalu dan keputusan peperiksaan yang telah diumumkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Lihat **Jadual 1** di bawah.

**Jadual 1**

**Analisis Peratusan Keputusan Mengikut Gred Bagi  
Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu (922)  
Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)  
Dari Tahun 1992-1997\***

| Gred     | Tahun | 1997   | 1996   | 1995   | 1994   | 1993   | 1992   |
|----------|-------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| <b>A</b> |       | 1.75%  | 2.14%  | 1.60%  | 1.41%  | 1.27%  | 1.09%  |
| <b>B</b> |       | 3.18%  | 3.58%  | 2.65%  | 2.60%  | 3.01%  | 3.24%  |
| <b>C</b> |       | 8.69%  | 9.84%  | 7.89%  | 7.60%  | 8.07%  | 8.41%  |
| <b>D</b> |       | 14.18% | 15.57% | 13.58% | 14.22% | 14.23% | 14.13% |
| <b>E</b> |       | 17.59% | 18.36% | 16.03% | 17.39% | 16.48% | 16.22% |
| <b>R</b> |       | 37.92% | 36.18% | 41.76% | 38.70% | 39.46% | 38.67% |
| <b>F</b> |       | 16.69% | 14.33% | 16.49% | 18.08% | 17.48% | 18.24% |

\**Sumber:* Majlis Peperiksaan Malaysia. *Laporan Peperiksaan STPM 1997, 1996, 1995, 1994, 1993, 1992 Jilid 1 Mata Pelajaran Jurusan Sastera.*

Semua data yang diperolehi dianalisis dan direkod serta dirumuskan. Data ditulis dalam bentuk huraian manakala temu bual ditulis dengan cara menghuraikan apa yang telah disampaikan dari sedutan dan contoh-contoh yang sesuai. Di sini, satu rumusan penilaian yang menyeluruh dengan persembahan datanya akan dibuat berserta syor-syor dan langkah-langkah pemberi pulih untuk panduan guru dan calon Kesusasteraan Melayu STPM di masa-masa akan datang. Manakala anggaran perbelanjaan untuk melaksanakan penyelidikan ini dicatatkan seperti di bawah.

### **ANGGARAN PERBELANJAAN**

#### **Perancangan Menyeluruh Persiapan Kertas Projek PXGS 6190**

Tambang perjalanan:

|             |        |           |
|-------------|--------|-----------|
| Zon Utara   | 2 hari |           |
| Zon Tengah  | -      |           |
| Zon Timur   |        |           |
| Zon Selatan |        | RM 500.00 |

Penginapan:

|             |        |           |
|-------------|--------|-----------|
| Zon Utara   | 2 hari |           |
| Zon Tengah  | -      |           |
| Zon Timur   | 2 hari |           |
| Zon Selatan | 2 hari | RM 720.00 |

Belanja Harian RM 120.00

Belanja Makan RM 240.00

Kos kertas RM 100.00

Kos alat mencetak RM 500.00

Kos alat tulis dan lain-lain RM 100.00

---

Jumlah RM2280.00

---